

KPT komited melaksanakan program pemindahan ilmu

MALAYSIA semakin pantas mengatur langkah bagi mendekati sasaran untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Pelbagai tekanan dan cabaran yang mendatang telah diharungi dan diidepani dengan komitmen padu semua pihak demi meletakkan Malaysia tercinta di mata dunia bak kata peripat "duduk sama rendah; berdiri sama tinggi" dengan negara maju yang lain.

Bagi merealisasikan misi nasional ini, pelbagai usaha dan pendekatan strategik telah diambil oleh pelbagai kementerian dan agensi, tidak terkecuali Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang secara khususnya telah dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan modal insan minda kelas pertama bagi memenuhi keperluan negara ke arah negara maju berpendapatan tinggi.

Menyedari hasrat ini, KPT telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) pada tahun 2007 iaitu sebuah dokumen komprehensif yang menterjemahkan hala tuju pengajian tinggi negara dan menggariskan tujuh teras strategik sebagai asas kepada pembangunan pengajian tinggi negara.

Bagi mendukung pelaksanaan PSPTN sebanyak 23 agenda kritikal telah diwujudkan. Program Pemindahan Ilmu atau *Knowledge Transfer Programme* (KTP) merupakan agenda kritikal ke-23 yang telah ditubuhkan pada Disember 2010 dan dilancarkan pada Januari 2011.

Secara langsung agenda ini menafikan persepsi sesetengah pihak bahawa universiti hanya berperanan sebagai institusi terasing yang menghasilkan bijak pandai dan tidak praktikal sebaliknya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kini adalah menara ilmu yang lebih realistik dan terbuka dalam melaksanakan aplikasi-aplikasi ilmu melalui usaha dan keterlibatan dengan semua pihak.

Menyedari hakikat bahawa KTP adalah percaturan bijak untuk mendekatkan pihak IPT dengan pihak industri dan komuniti, pelbagai inisiatif terus dirintis.

Bagi memungkinkan keberhasilan program ini, KPT turut menyediakan SKIM Geran KTP sebagai pemangkin kepada inisiatif awal pemindahan ilmu dari Institusi Pengajian Tinggi bagi dimanfaatkan oleh industri dan komuniti.

Geran ini diharapkan berupaya untuk menzahirkan peranan universiti sebagai institusi yang membekalkan khazanah ilmu secara berkesan.



Seterusnya proses penyampaian dan pemindahan ilmu yang dijana di IPTA dapat dikongsi serta dimanfaatkan oleh pemegang taruh yang telah dikenal pasti, iaitu pihak akademik, industri, komuniti dan siswazah.

Inisiatif KTP telah membuka ruang yang lebih luas dalam pelbagai bentuk interaksi secara menang-menang menjurus kepada kajian bersama, perundingan, latihan, pembangunan siswazah serta perkongsian kemudahan infrastruktur ke arah menyokong jalinan kerjasama yang menguntungkan antara universiti dengan industri dan komuniti.

Inisiatif KTP ini dapat memberi impak maksima kepada pembangunan, kemajuan dan transformasi negara melalui proses perluasan dan pengukuhan ilmu seiring dengan Model Baharu Ekonomi (MBE).

KPT telah mengenal pasti mekanisma terbaik bagaimana IPTA di Malaysia dapat membantu proses penyampaian dan pemindahan ilmu yang didapati di IPTA melalui pertukaran idea-idea kreatif dan inovatif, pengalaman serta kemahiran dari IPTA kepada industri dan komuniti. Ini dibuktikan dengan keterlibatan IPTA bersama Industri dan komuniti melalui

projek-projek seperti berikut:

Antara kolaborasi IPTA bersama industri:

- Kaedah kesihatan Gerompok dan Pembiakan Kerbau di Sabah oleh UPM.
- Pemindahan Pengetahuan Kepada Penternak Ikan dan Udang Asid Organik Sebagai Alternatif Kepada Antibiotik Dalam Industri Akuakultur oleh USM.
- Sistem Pencegaman Produk Automatik bagi Industri Pengilangan Semula oleh UTHM.
- Kursus Penyembelihan Halal HALJOB: Mewujudkan Pekerjaan Baru untuk Penyembelihan Profesional dan Pemeriksa Mutu Daging oleh USIM.
- Modul Perisian Untuk Pengoptimuman Reka Bentuk Litar Elektronik oleh UniMAP.
- Pengurusan Pengkulturan Rumpai Laut di Semporna Sabah oleh UMS.
- Pengawal Logik Boleh Ubah untuk Industri Automasi oleh UTM.

Antara kolaborasi IPTA bersama komuniti:

- Pensijilan Halal Sektor Industri Makanan di Terengganu oleh UniSA.
- Instrumen Pengesanan Kanak-Kanak Berpotensi Pintar Cerdas oleh UPSI.
- Pelantar e-pembelajaran Berdasarkan Model Pintar yang Berpusatkan Pengguna untuk Masyarakat Luar Bandar oleh UUM.

Selain itu, terdapat juga beberapa projek lain yang turut menyumbang kepada pembangunan negara dan peningkatan ekonomi setempat khususnya.

Melalui pelaksanaan KTP sebagai antara agenda utama KPT dalam usaha meneruskan proses mentransformasikan pengajian tinggi negara untuk kelestarian hari esok, semua pihak berkepentingan harus bergerak seiring agar segala ilmu penyelidikan yang terdapat di universiti dikongsi bersama untuk dimanfaatkan secara berterusan.

Sebahagian daripada transformasi ilmu yang dilaksanakan ini, secara jelas menunjukkan bahawa ilmu dan universiti akan hidup subur seiringan dengan komitmen padu pihak industri dan komuniti bagi memaknakan lagi tamadun anak bangsa.



KPT

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

SANA-SINI

DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

